



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS

**PERMOHONAN UNTUK DISENARAikan DALAM JADUAL D THE
RESERVATION ENACTMENT 1353 BAGI MEMILIKI DAN MEMAJAK TANAH
DALAM KAWASAN LINGKUNGAN SIMPANAN MELAYU NEGERI PERLIS**

SENARAI SEMAK

No.	Dokumen	Semakan
1.	Surat Permohonan Rasmi.	
2.	Profil Syarikat/Pertubuhan/Koperasi/Yayasan	
3.	i. Latar Belakang ii. Aktiviti Utama iii. Latar belakang Pemegang Saham/Ahli Lembaga Pengarah/Pengurusan Kanan/Pengasas/Pengerusi iv. Senarai nama pekerja beserta alamat dan no Kad Pengernalan v. Maklumat lengkap aktiviti semasa/projek bagi 3 tahun terakhir vi. Penyata kewangan yang diaudit bagi 2 tahun tempoh terakhir	
4.	Carian SSM (Syarikat)/Pendaftaran Pertubuhan/Pendaftaran Koperasi/Pendaftaran Yayasan	
5.	Memorandum of Association/ Perlembagaan Koperasi/Perlembagaan Yayasan/Perlembagaan Pertubuhan	
6.	Borang Seksyen 14 SSM (<i>Superform</i>)	
7.	Resolusi Syarikat / Minit Mesyuarat dll	
8.	Justifikasi pemilikan dan cadangan pembangunan tanah Rizab Melayu yang ingin dimiliki berserta gambar	
9.	Carian rasmi dan Salinan Hakmilik tanah yang ingin dimiliki	
10.	Penetapan klausa khas berkaitan penyelarasan syarat had pemilikan Melayu dalam Perlembagaan Pertubuhan/ Koperasi/Yayasan (rujuk Muka Surat 4)	
11.	Bayaran RM1000.00 bagi setiap permohonan/syarikat	

**GARIS PANDUAN PENYENARAIAAN ENTITI-ENTITI DALAM
JADUAL D *THE RESERVATION ENACTMENT 1353***

- 1. Bagi syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016**
 - i. 100% pemegang sahamnya adalah Melayu;
 - ii. Pindahmilik saham dihadkan oleh perlembagaannya hanya kepada Melayu sahaja;
 - iii. Sekurang-kurangnya 70% Ahli Lembaga pengarahnya adalah Melayu;
 - iv. Sekurang-kurangnya 70% pengurusannya adalah Melayu; dan
 - v. Sekurang-kurangnya 70% kakitangannya adalah Melayu.

- 2. Bagi badan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966**
 - i. 100% ahlinya adalah Melayu;
 - ii. 100% Ahli Jawatankuasanya adalah Melayu; dan
 - i. Sekurang-kurangnya 70% kakitangannya adalah Melayu.

- 3. Bagi badan yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993**
 - i. 100% anggotanya adalah Melayu;
 - ii. 100% Ahli Lembaganya adalah Melayu; dan
 - iii. Sekurang - kurangnya 70% kakitangannya adalah Melayu

Nota : Bagi koperasi yang mana anggotanya bukan 100% Melayu, pertimbangan boleh diberikan berdasarkan kesesuaian dan merit, tertakluk kepada keanggotaannya hendaklah sekurang-kurangnya 85% Melayu dan turut memenuhi syarat-syarat (ii) dan (iii).

4. Bagi Yayasan yang ditubuhkan di Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952

- i. Pengasas Yayasan adalah 100% Melayu;
- ii. Ahli Jawatankuasa dan Ahli yayasan dihadkan oleh hanya kepada Melayu sahaja;
- iii. Ahli Lembaga Pemegang Amanah adalah 100% Melayu;
- iii. Sekurang-kurangnya 70% pengurusannya adalah Melayu; dan
- vi. Sekurang-kurangnya 70% kakitangannya adalah Melayu.

PENETAPAN SATU KLAUSA YANG SERAGAM {STANDARD) UNTUK PENYELARASAN SYARAT HAD PINDAH MILIK SAHAM SYARIKAT DI DALAM PERLEMBAGAAN SYARIKAT YANG MEMOHON UNTUK DISENARAIKAN KE DALAM JADUAL D THE RESERVATIONS ENACTMENT 1353

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Kertas MMK.Bi.13/2020 bertarikh 14.01.2020 meluluskan penetapan satu klausa yang seragam (standard) untuk penyelarasan syarat had pindahmilik saham syarikat di dalam perlembagaan syarikat yang memohon untuk disenaraikan ke dalam Jadual D The Reservation Enactment 1353 seperti berikut:-

1) Teks Bahasa Melayu

- (i) Syer dalam syarikat hendaklah keseluruhannya dipegang oleh Melayu -dan pertukaran mana-mana pemegang saham hanya dibenarkan kepada Melayu sahaja. Maksud perkataan "Melayu" hendaklah sepertimana yang ditafsirkan dalam The Reservation Enactment 1353{Enactment No.7 of 1353).
- (ii) Sekiranya berlaku pertukaran mana-mana pemegang syer dalam daftar anggota, adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memaklumkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pertukaran mana-mana pemegang syer yang terkandung dalam daftar anggota.
- (iii) Peruntukan (i) dan (ii) di atas hendaklah kekal pada setiap masa dan tidak boleh dimansuhkan, dipinda atau diubah kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri Perlis.

2) Teks Bahasa Inggeris

- (i) *The shares in the company shall be held wholly by Malay and changes of any share only be allowed to Malay. The definition of "Malay" shall be accordance with the interpretation in The Reservation Enactment 1353 (Enactment No.7 of 1353).*
- (ii) *Where there is a change of any shareholder in the register of members, it shall be the company's responsibility to notify the Director of Lands and Mines of Perlis within fourteen days from the date of change any shareholder contained in the register of members.*
- (iii) *Provisions (i) and (ii) above shall remain at all times and shall not be deleted, amended or altered except with the consent of the State Authority of Perlis.*